



## **SURAT PEKELILING CIDB BIL. 5/ 2023**

### **PEMAKLUMAN KADAR YURAN BAHARU PENTAULIAHAN PUSAT LATIHAN BERTAULIAH (PLB) CIDB DAN PENTAULIAHAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI BERTAULIAH (PPKB) CIDB**

---

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada penyedia atau pengusaha Pusat Latihan Bertauliah (PLB) CIDB dan Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah (PPKB) CIDB mengenai kadar yuran baharu bagi proses pentauliahan PLB CIDB dan PPKB CIDB.

#### **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1** Selaras dengan penambahbaikan polisi, syarat dan prosedur bagi proses pentauliahan PLB CIDB dan PPKB CIDB, kadar yuran yang baharu selaras dengan kenaikan progresif terhadap kos dan caj perkhidmatan di dalam pasaran dikenakan kepada pemohon.
- 2.2** Membiayai proses Lawatan Verifikasi Premis bagi permohonan yang memerlukan lawatan premis.
- 2.3** Membiayai kos teknikal berkaitan tugas verifikasi yang dilakukan oleh pegawai verifikasi yang terlatih dan berkepakaran.

#### **3.0 KADAR YURAN**

- 3.1** Kadar yuran baharu yang ditetapkan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

BIL.	JENIS PERMOHONAN	KADAR LAMA (RM)	KADAR BAHARU (RM)
1.	Yuran Proses Permohonan Pusat Latihan Bertauliah (PLB CIDB): 1.1 Permohonan Pentauliahahan Baharu Pusat Latihan Bertauliah 1.2 Permohonan Pembaharuan Pusat Latihan Bertauliah 1.3 Permohonan Pindaan Maklumat Bertauliah: 1.3.1 Permohonan Tambahan Program Latihan 1.3.2 Permohonan Pindaan Nama Pusat Latihan 1.3.3 Permohonan Pindaan Nama Syarikat Pemilik 1.3.4 Permohonan Perpindahan/Pengubahsuaian Premis 1.3.5 Permohonan Pindaan Pengajar Bertauliah 1.3.6 Permohonan Penambahan Cawangan Pusat Latihan 1.4 Permohonan Pertukaran Pemiikan Pusat Latihan 1.5 Permohonan Penutupan Cawangan Pusat Latihan	50.00	100.00
2.	Yuran Proses Permohonan Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah (PPKB CIDB): 2.1 Permohonan Baharu Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah 2.2 Permohonan Pembaharuan Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah 2.3 Permohonan Penambahan Tred Penilaian 2.4 Permohonan Perpindahan/Pengubahsuaian Premis Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah	50.00	100.00
3.	Yuran Proses Pertukaran Pemilikan Pusat Latihan	TIADA	100.00
5.	Yuran Verifikasi Premis (Pusat Latihan/ Pusat Penilaian)	TIADA	2,500.00
6.	Yuran Tambahan Pegawai Verifikasi	TIADA	500.00
7.	Yuran Pensijilan Pentauliahahan Pusat Latihan Bertauliah (PLB CIDB)	300.00	500.00
8.	Yuran Pensijilan Pentauliahahan Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah (PPKB CIDB)	300.00	500.00
9.	Yuran Proses Permohonan Penutupan Pusat Latihan	TIADA	100.00

**JADUAL 1: KADAR YURAN BAHARU BAGI PERMOHONAN PENTAULIAHAN  
PLB CIDB DAN PPKB CIDB**

#### 4.0 PELAKSANAAN

Penyelarasan kadar yuran baharu ini terpakai kepada semua penggiat industri, penyedia latihan yang berminat untuk ditauliahkan oleh CIDB sebagai PLB CIDB serta semua PLB CIDB dan PPKB CIDB sedia ada. Surat Pekeliling ini juga terpakai kepada Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies Sdn. Bhd. yang berminat untuk mentauliahkan mana-mana premis pusat ujian sebagai PPKB.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 September 2023.

#### 6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling ini boleh dirujuk kepada:

Pengurus Besar  
Bahagian Pentauliahkan & Pemantauan Latihan  
Sektor Personel Binaan  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)  
Tingkat 35, Menara Dato' Onn  
World Trade Centre (WTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur

Emel : pentauliahkanplb@cidb.gov.my  
CIDB Careline : +603-5567 3300  
Laman Web : www.cidb.gov.my

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BINA SEMPURNA”**



**(DATUK IR. AHMAD ASRI BIN ABDUL HAMID)**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: **2** Ogos 2023